

Kesan Modernisasi ke atas Hubungan Kaum di Malaysia

Hasnah Hussiin*

ABSTRAK

Isu modernisasi dan hubungan etnik tidak pernah padam dalam perjuangan Malaysia membangunkan negara sejak merdeka sehingga kini. Dalam hal ini, setiap polisi dan projek yang dijalankan mesti objektif terakhirnya adalah untuk perpaduan kaum. Ia seakan menjadi syarat penting bahawa setiap projek pembangunan yang dilaksanakan mesti melibatkan semua etnik. Apakah yang dimaksudkan dengan modernisasi? Menurut Shamsul Amri, modernisasi diterjemahkan sebagai suatu proses transformasi atau perubahan dalam segala aspek kehidupan masyarakat, dan ia dianggap sebagai sesuatu yang harus ditempuh oleh semua bangsa atau negara. Malahan modernisasi di Malaysia sangat berkaitan dengan pembentukan suatu bangsa Malaysia yang mengandungi pelbagai etnik dan kaum. Dalam hal ini, projek modernisasi di Malaysia sebenarnya mengandungi dua komponen utama iaitu komponen ekonomi dan komponen politik. Kesemua komponen ini adalah bermatlamat untuk perpaduan kaum serta mewujudkan 'kesatubangsaan' (nationhood) melalui integrasi nasional. Maka slogan seperti 'satu bahasa', 'satu budaya', 'satu bangsa' dan 'satu negara' sering dilaungkan sebagai motivasi yang mendasari segala usaha ke arah integrasi nasional.

Kata kunci: Modernisasi, Hubungan etnik, Ekonomi, Politik, Sosial, Integrasi nasional

PENGENALAN

Masyarakat dan negara Malaysia telah menjadi negara contoh kepada sebahagian negara-negara membangun hampir di seluruh dunia. Dari kaca mata global, Malaysia telah dilihat sebagai sebuah negara yang harus dicontohi. Pandangan ini kerap diulangi dan diwar-warkan oleh pelbagai negara, pertubuhan negara-negara dan badan-badan antarabangsa. Menghuraikan kejayaan Malaysia pada hari ini merupakan satu tugas yang amat rumit kerana tidak ada satu faktor yang boleh dianggap faktor penentu kepada kejayaan ini. Pasti banyak faktor yang terlibat yang menonjolkan Malaysia sebagai sebuah negara contoh. Yang paling mendapat perhatian mengenai Malaysia ialah kemampuannya mewujudkan keseimbangan antara kestabilan politik dan pembangunan ekonomi. Punca kejayaan ini adalah berdasarkan kepada hubungan etnik yang positif dan saling bersifat sinergi. Pembangunan dan kemajuan yang dikecapi kini banyak ditentukan oleh bentuk hubungan kaum yang telah terbentuk sejak sebelum merdeka hingga kini.¹

SEJARAH HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA

Catatan sejarah telah menunjukkan bahawa hubungan antara rumpun masyarakat Melayu dengan masyarakat Cina dan India serta etnik-etnik lain telah wujud sebelum kehadiran penjajah Barat lagi. Pada zaman kesultanan Melayu Melaka, pedagang-pedagang Cina dan India telah datang ke negara ini untuk berniaga. Sebahagian daripada mereka telah berkahwin dengan masyarakat setempat dan terus menetap di negara ini. Ikatan perkahwinan dan jaringan asimilasi telah membentuk komuniti baru bagi masyarakat Cina yang dikenali sebagai baba dan nyonya. Dalam kalangan masyarakat India pula proses yang sama membentuk komuniti Chitti.

* Hasnah Hussiin, merupakan pensyarah di Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Kuantan, Pahang. E-mel: hasnah@ump.edu.my.

¹ Terdapat beberapa kajian telah dibuat mengenai hubungan kaum di Malaysia dalam tempoh sebelum merdeka sehingga tahun 1970-an seperti James P. Ongkili, *Nation Building in Malaysia 1946-1974*, Oxford University Press, 1982, Cheah Boon Kheng, *Malaysia: The Making of a Nation*, Institut of Southeast Asian Studies, Singapore, 2002. Lihat juga Steve Fenton, "Malaysia and Capitalist Modernization: Plural and Multicultural Models", dalam *Pluralism and Multiculturalism in Colonial and Post Colonial Societies, International Journal on Multicultural Societies (IJMS)*, Vol.5, no.2, 2003.

Pembukaan Pulau Pinang oleh Francis Light pada tahun 1786 dan seterusnya campur tangan Inggeris di negeri-negeri Melayu telah menggalakkan lagi kemasukan imigran daripada China dan India. Ini adalah kerana dasar Inggeris sendiri yang memerlukan tenaga buruh dalam mengeksploitasi perusahaan bijih timah dan perladangan getah. Ia merupakan faktor penarik migrasi China dan India ke negara ini. Selain itu faktor tolakan juga mendorong kebanjiran imigran dari China dan India kerana berbagai-bagai masalah dan kesengsaraan dialami mereka di tanah air sendiri. Orang-orang Cina dan India ini tiada rancangan untuk terus menetap di negara ini. Namun begitu, sebilangan besar orang Cina dan India yang menjadi buruh tidak pulang selepas beberapa tahun bekerja di sini.

Selepas merdeka, peluang untuk pulang ke negara asal telah dibuka dengan sebaiknya kepada semua imigran ini. Namun demikian mereka tetap memilih untuk kekal tinggal di negara ini. Kini kebanyakan mereka telah mengadaptasi nilai-nilai tempatan dalam sikap, pemikiran dan halatujunya.

Furnivall berhujah bahawa dalam kalangan masyarakat bekas koloni kewujudan masyarakat majmuk adalah dicirikan dengan pelbagai etnik dengan nilai-nilai yang berlainan dalam budaya, adat resam, agama dan bahasa. Furnivall seterusnya menegaskan bahawa masyarakat majmuk bernaung di bawah satu unit politik yang sama, interaksi sosial di kalangan mereka hanya terbatas kepada urusan perniagaan.

MODENISASI DALAM KERANGKA MALAYSIA

Isu modenisasi dan hubungan etnik tidak pernah padam dalam perjuangan Malaysia membangunkan negara sejak merdeka sehingga kini. Dalam hal ini, setiap polisi dan projek yang dijalankan mesti objektif terakhirmya adalah untuk perpaduan kaum. Ia seakan menjadi syarat penting bahawa setiap projek pembangunan yang dilaksanakan mesti melibatkan semua etnik. Apakah yang dimaksudkan dengan modenisasi? Menurut Shamsul Amri, modenisasi diterjemahkan sebagai suatu proses transformasi atau perubahan dalam segala aspek kehidupan masyarakat dan ia dianggap sebagai sesuatu yang harus ditempuh oleh semua bangsa atau negara. Malahan modenisasi di Malaysia sangat berkaitan dengan pembentukan suatu bangsa Malaysia yang mengandungi pelbagai etnik dan kaum.¹ Dalam hal ini, projek modenisasi di Malaysia sebenarnya mengandungi dua komponen utama iaitu komponen ekonomi dan komponen politik.² Kesemua komponen ini adalah bermatlamat untuk perpaduan kaum serta mewujudkan 'kesatubangsaan' (nationhood) melalui integrasi nasional. Maka slogan seperti 'satu bahasa', 'satu budaya', 'satu bangsa' dan 'satu negara' sering dilaungkan sebagai motivasi yang mendasari segala usaha ke arah integrasi nasional. Kaedah kesatubangsaan dalam konteks pelbagai etnik di Malaysia telah melalui beberapa dasar negara, seperti Dasar Pelajaran Negara, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pembangunan Nasional dan Dasar Wawasan 2020. Menurut Shamsul Amri, pelaksanaan setiap dasar ini tidak dapat diukur dengan angka-angka yang objektif seperti ukuran kadar pertumbuhan ekonomi. Sifat subjektif inilah yang sering mengundang keraguan, kritikan dan pandangan alternatif mengenai projek modenisasi Malaysia terhadap hubungan etnik dan perpaduan kaum. Apa yang perlu dikupas semula ialah apakah isu-isu etnik yang timbul di sebalik setiap usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk memodenkan negara. Ini penting untuk kita mengetahui apakah isu besar yang menjadi cabaran ke arah hubungan etnik yang holistik dan pada masa yang sama kemajuan negara bukan sahaja dapat diukur dari segi ekonomi tetapi juga dari segi hubungan sosial antara etnik di Malaysia.

Fenomena mengenai hubungan etnik di negara ini merupakan satu perkara yang kompleks dan perlu diberikan perhatian selalu. Kajian mengenainya perlu dijalankan dari semasa ke semasa agar sebarang ketegangan antara etnik dapat dikesan lebih awal bagi mengelakkan terjadinya rusuhan antara etnik sebagaimana yang pernah berlaku pada 13 Mei 1969 ataupun rusuhan-rusuhan kaum yang pernah berlaku sebelumnya seperti di Bukit

¹ Persoalan mengenai negara bangsa ini banyak dibincangkan oleh Abdul Rahman Embong, *Negara-Bangsa: Proses dan Perbahasan*, Penerbit UKM, Bangi 2000. (Sebuah himpunan esei-esei mengenai pembentukan negara bangsa di Malaysia dari pelbagai perspektif). Persoalan mengenai konsep negara bangsa ini juga boleh dirujuk pada tulisan Jochen Hippler, "*Ethnicity, State, and Nation-Building - Experiences, Policies and Conceptualization*".

² Profesor Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Kertas Kerja Ucaptama Seminar Pengajian Umum, 13-14 Jun 2006.

Mertajam (1964) dan Pulau Pinang (1967). Kajian yang dijalankan bukan sahaja perlu mengkaji bentuk hubungan yang wujud tetapi juga perlu mengenal pasti faktor yang boleh menggalakkan hubungan etnik yang lebih baik. Harus disedari bahawa tanpa hubungan etnik yang positif pembangunan negara tidak dapat dijalankan. Modernisasi adalah satu konsep yang luas dan sukar untuk didefinisikan. Untuk kajian ini saya mendefinisikan modernisasi sebagai perkembangan sektor perindustrian dan perkhidmatan, perkembangan sistem pendidikan, pembangunan sektor ekonomi dan pembangunan politik.

Dalam tempoh 1957 hingga 1990 terdapat banyak pembangunan dilakukan oleh pihak kerajaan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Pada period inilah Rancangan Pembangunan Negara dirancang, pengenalan DEB, perubahan dalam sistem pendidikan, pertumbuhan perindustrian, pembangunan wilayah, integrasi nasional dan pengenalan dasar-dasar awam negara. Semua ini melibatkan penyertaan pelbagai etnik untuk menjayakan pembangunan negara. Hasrat kerajaan adalah untuk mewujudkan keseimbangan kaum dan etnik dalam pelbagai bidang dan projek modernisasi yang telah dilaksanakan. Namun mengapa masih ada suara tidak puas hati mengenai penglibatan setiap etnik dalam beberapa sektor? Mengapakah perkara ini berlaku dan siapa yang mendapat faedah dari projek modernisasi tersebut? Mengapakah berlaku ketidakseimbangan etnik, apakah polisi kerajaan dalam hal ini? Masalah mengenai penglibatan etnik dalam setiap sektor di Malaysia perlu diberi perhatian. Wawasan negara agar negara ini mencapai negara maju pada tahun 2020 berkait rapat dengan hubungan etnik. Pembangunan dan kemajuan yang dikecapi oleh negara perlu dinikmati oleh semua kaum di Malaysia. Ini selaras dengan cabaran wawasan 2020 yang hendak melahirkan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi.

KAJIAN LEPAS

Kaitan Antara Modernisasi dan Hubungan Etnik

Konsep modernisasi telah pun bermula di Eropah sejak berlakunya Revolusi Perindustrian dan semakin berkembang selepas Perang Dunia Kedua. Konsep Modernisasi selalunya dikaitkan dengan pembangunan. Pembangunan ini termasuklah perubahan dari segi sosial, “*evolution progress*”, “*advancemet*” dan seterusnya modernisasi bila merujuk kepada negara yang kurang membangun. Ada juga yang merujuk pembangunan sebagai “*fundamental changes*” dari segi tingkahlaku sosial dan institusi. Sesetengah daripada ahli falsafah, saintis, ahli sains sosial dan ahli perancang cenderung untuk menafsirkan pembangunan dengan struktur sosial yang berlaku di negara-negara yang sangat maju dalam sektor perindustrian, pendidikan, sains dan teknologi. Sesetengah penulis seperti Harrison (1988), Inkeles dan Smith (1974), menganggap pembangunan sebagai proses perubahan masyarakat dari tradisional kepada moden. Dalam hal ini Harrison (1988) menyatakan pembangunan itu adalah sama dengan modernisasi.¹

Modernisasi di Malaysia adalah suatu proses yang amat panjang bermula semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan sehinggalah ke hari ini. Salah satu perkara yang tidak boleh dipandang sebelah mata dalam proses pemodenan ini adalah mengenai hubungan etnik. Malah pemodenan Malaysia yang meliputi ekonomi, politik dan sosial memerlukan satu kajian yang khusus bagi melihat perkembangan hubungan etnik di Malaysia.² Walaupun Malaysia setakat ini sudah pun melalui beberapa cabaran dalam proses pembangunan negara, tidak terkecuali juga cabaran dalam usaha membentuk perpaduan nasional.³ Justeru itu satu kajian juga telah dibuat untuk melihat apakah cabaran-cabaran yang dihadapi dalam usaha ke arah perpaduan dan integrasi etnik di negara ini.⁴

¹ Seth A. Agbo, “Myth and Realities of Higher Education as a Vehicle for Nation Building in Developing Countries: The Culture of the University and the New African Diaspora”, Pacific University, Oregon USA.

² Profesor Dato’ Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Mohamad Fauzi Sukimi, Azmi Aziz, “Pembangunan Ekonomi Dalam Konteks Hubungan Etnik di Malaysia”, Bengkel TOT Kursus TITAS & Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan, UITM, Shah Alam, 13-15 Disember 2005. Lihat juga “Kestabilan Dimantapkan, Pertumbuhan Disuburkan: Hubungan Etnik Malaysia Sebagai Landasan Untuk Dulu, Sekarang dan Selama-lamanya”, Bengkel TOT Kursus TITAS & Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan, UITM, Shah Alam, 13-15 Disember 2005.

³ Peter Kreuzer, “Democracy, Diversity and Conflict: Managing Ethnic Divisions in the Philippines and Malaysia”, Cornell University, 2006.

⁴ Zuriani Hj Jamil @ Osman, “Cabaran Hubungan Etnik Dalam Pembangunan Masyarakat Majmuk Kini di Malaysia: Satu Pengamatan Awal”, Seminar Kebangsaan Pengajian Umum, UTM, 13-14 June, 2006.

Modernisasi sebenarnya telah meninggalkan kesan positif dan negatif dan ia perlu ditangani dengan bijak khususnya dalam isu hubungan etnik. Antara kesan negatif yang dikaitkan dengan etnik ialah konflik etnik sehingga membentuk “*theory of ethnic conflict*”¹ dan model konflik etnik atau “*model of ethnic conflict*”² dan seterusnya strategi ke arah penyelesaian konflik etnik.³

Beberapa kajian yang ada telah mengaitkan modernisasi dengan konflik etnik.⁴ Konflik ini juga boleh wujud dalam bentuk politik, ekonomi dan sosial.⁵ Dalam hal ini, segala projek pembangunan negara jika tidak dirancang dengan teliti boleh mendatangkan konflik politik dan sosial antara etnik. Sehubungan dengan ini, pembangunan ekonomi dan pengurusan konflik etnik tidak boleh dipisahkan dalam agenda pembangunan negara.⁶

Fred W. Riggs, telah membentangkan tiga aspek utama modernisasi yang memberi kesan kepada hubungan etnik adalah **perindustrian, demokrasi dan nasionalisme**.⁷ Dalam hal ini, **perindustrian** dilihat sebagai suatu penilaian dan penggunaan terhadap barangan yang digunakan untuk menghasilkan sumber kuasa seperti batu arang, minyak dan elektrik. **Demokrasi** pula melambangkan penerimaan pada prinsipnya keabsahan sistem politik berdasarkan pilihan raya yang adil dalam pemilihan pemimpin yang akan menjadi wakil dan keupayaan mereka untuk mewakili rakyat, dan akhir sekali **nasionalisme** merupakan satu konsep kedaulatan yang diperjuangkan oleh rakyat sesuatu negara yang mengaku diri mereka sebagai warganegara berkenaan.

Salah satu komponen penting modernisasi adalah mobilisasi sosial atau “*social mobilization*,” yang mengandungi dua proses iaitu yang pertama ia merupakan suatu proses yang melibatkan keseluruhan sistem sosial tradisional, sistem ekonomi dan komitmen psikologi runtuh atau terhakis dan masyarakat semakin boleh menerima perkara baru dalam hidup mereka dari segi sosialisasi dan tingkah laku. Contohnya dari segi kesediaan mereka untuk memasuki pasaran niaga, pendedahan terhadap media massa, pertukaran tempat tinggal, urbanisasi dan tahap celik huruf yang tinggi. Karl Deutsch memperkenalkan idea mobilisasi sosial sebagai perubahan secara menyeluruh kehidupan sesuatu masyarakat daripada tradisional kepada suatu kehidupan yang lebih moden.⁸

Robert H. Bates mengaitkan modernisasi dengan pergerakan atau “*movement*” etnik di sesuatu kawasan. Dalam kajian ini, beliau menggunakan *life-cycle curve* model dan analisis untuk melihat “kesan modernisasi” ke atas “*movement*” dan didapati kumpulan minoriti suka berhijrah ke German dan Slovene Poles walaupun mereka terpaksa mengambil risiko dan terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan dan tempat.

Selain daripada itu, pemodenan atau modernisasi juga boleh menyebabkan wujudnya “*competition*” atau persaingan antara etnik di sesuatu tempat.⁹ Modernisasi juga boleh mendatangkan kesan kepada pertumbuhan semangat nasionalisme. Faktor-faktor seperti perindustrian, literasi, sistem pendidikan, perkembangan sistem komunikasi massa, sekularisme dan kapitalisme memberi kesan kepada perjuangan bangsa dan semangat nasionalisme.¹⁰

¹ Francesco Caselli and Wilbur John Coleman II, “*On The Theory of Ethnic Conflict*”, December 2005.

² Joan Esteban dan Debraj Ray, “*A Model of Ethnic Conflict*”, Institute of Economic Analysis, New York University, May 2006.

³ Donald L. Horowitz, “*Structure and Strategy in Ethnic Conflict*”, Annual World Bank Conference on Development Economics, Washington April 1998.

⁴ Lokar, Ale, “*Modernization and ethnic problems in Carinthia*”, 1994.

⁵ Robert H. Bates, “*Ethnicity, Capital Formation and Conflict*”, CID Working Paper, no. 27, October 1999.

⁶ John. M. Richardson Jr and Shinjinee Sen, “*Ethnic Conflict and Economic Development*”, A Policy Oriented Analysis, School of International Service, American University, 24 March 1996.

⁷ Fred W. Riggs, “*The Modernity of Ethnic Identity and Conflict*”, Political Science Department, University of Hawaii.

⁸ Karl. Deutsch, “Chapter 12: Social Mobilization and Political Participation” in *Political Development and Social Change*, Jason L. Finkleand Richard W. Gable, ed. New York: John Wiley & Sons, Inc., 1971, in Field Seminar Participants Fall 1998 and Spring 2000. Compiled by Chris Adolph, February, 2000.

⁹ Robert H. Bates, “*Ethnic Competition and Modernization in Contemporary Africa*”, *Comparative Political Studies*, January 1974, Vol.6, No.4. Kenyataan ini disokong oleh Demet Yalcin Mousseau, dalam kajiannya yang bertajuk “*Democratizing with Ethnic Divisions: A Source of Conflict?*”. Kajian lain mengenai hubungan modernisasi dan etnik adalah Anthony Mughan, “*Modernization, Ethnicity and National Integration: The Changing Pattern of Ethnic Conflict in Belgium*”, PhD Dissertation 1972-1975, Political Science, University of IOWA, USA dan “*Modernization, Deprivation and the Distribution of Power Resources*”, *Toward a Theory of Ethnic Conflict*, New Community, 5 (1977).

¹⁰ Huseyin ISIKSAL, “Two Perspectives on the Relationship of Ethnicity to Nasionalisme Comparing Gellmer and Smith”, *Turkish Journal of International Relations*, Vol.1, No.1, 2002.

Kebanyakan ahli pemikir dalam bidang modernisasi menganggap modernisasi sesungguhnya memberi kesan kepada hubungan etnik di mana ia menghalang hubungan positif antara etnik. Ini digambarkan sebagai “*The modernization school of thought predicted that, for various reasons, modernization would cause the decline in ethnicity and religion as important factors in politics*”.¹

Beberapa kajian yang lepas yang mengaitkan modernisasi dengan etnik ialah berlakunya konflik etnik sehingga membentuk “*theory of ethnic conflict*”² dan model konflik etnik atau “*model of ethnic conflict*”³ dan seterusnya strategi ke arah penyelesaian konflik etnik.⁴

Lokar Ale, dalam kajiannya juga telah mengaitkan modernisasi dengan konflik etnik.⁵ Kajian ini telah disokong oleh Robert. H. Bates di mana menurut beliau, konflik etnik yang berlaku boleh wujud dalam bentuk politik, ekonomi dan sosial.⁶ Pengkaji lain seperti John. M. Richardson Jr and Shinjinee Sen dalam kajiannya telah mengaitkan pembangunan ekonomi telah memberi kesan kepada hubungan etnik di mana dalam setiap projek pembangunan ekonomi negara jika tidak dirancang dengan teliti boleh mendatangkan konflik politik dan sosial antara etnik. Sehubungan dengan ini, pembangunan ekonomi dan pengurusan konflik etnik tidak boleh dipisahkan dalam agenda pembangunan negara.⁷ Zaman modernisasi juga dikaitkan dengan era globalisasi. Justeru itu, globalisasi dan kesannya juga tidak dapat dikesampingkan dalam perbincangan ini. Dalam hal ini Anamaria dalam artikel yang bertajuk “*Globalization and Ethnic Conflict*”⁸, telah mengkaji perkaitan antara globalisasi dengan konflik etnik. Ini berdasarkan kepada kajian lepas yang mengatakan globalisasi akan menambahkan lagi konflik etnik. Pada tahap ini juga persefahaman dan perdamaian juga sukar dicapai. Jadi dalam artikel ini beliau telah mengaitkan globalisasi dengan konflik etnik dengan memfokuskan kepada benua Eropah. Dalam hal ini, peranan Kesatuan Eropah dijadikan subjek kajian, sejauh manakah ia membantu dalam menangani konflik etnik yang berlaku di Eropah.

Karl W. Deutsch, menyatakan modernisasi akan menyebabkan berlakunya mobilisasi sosial atau “*social mobilization*,” yang mengandungi dua proses iaitu yang pertama ia merupakan suatu proses yang melibatkan keseluruhan sistem sosial tradisional, sistem ekonomi dan komitmen psikologi runtuh atau terhakis dan masyarakat semakin boleh menerima perkara baru dalam hidup mereka dari segi sosialisasi dan tingkah laku. Contohnya dari segi kesediaan mereka untuk memasuki pasaran niaga, pendedahan terhadap media massa, pertukaran tempat tinggal, urbanisasi dan tahap celik huruf yang tinggi. Karl Deutsch memperkenalkan idea mobilisasi sosial sebagai perubahan secara menyeluruh kehidupan sesuatu masyarakat daripada tradisional kepada suatu kehidupan yang lebih moden.⁹

Robert H. Bates mengaitkan modernisasi dengan pergerakan atau “*movement*” etnik di sesuatu kawasan. Dalam kajian ini, beliau menggunakan *life-cycle curve* model dan analisis untuk melihat “kesan modernisasi” ke atas “*movement*” dan didapati kumpulan minoriti suka berhijrah ke German dan Slovene Poles walaupun mereka terpaksa mengambil risiko dan terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan dan tempat. Dalam kajian yang lain, beliau telah mendedahkan pemodenan atau modernisasi juga boleh menyebabkan wujudnya “*competition*” atau

¹ Jonathan Fox, “*Ethnic Minorities and the Clash of Civilizations: A Quantitative Analysis of Huntington’s Thesis*”, B.J.Pol.S. 32, 415-434, Cambridge University Press, 2002.

² Francesco Caselli and Wilbur John Coleman II, “*On The Theory of Ethnic Conflict*”, December 2005.

³ Joan Esteban dan Debraj Ray, “*A Model of Ethnic Conflict*”, Institute of Economic Analysis, New York University, May 2006.

⁴ Donald L. Horowitz, “*Structure and Strategy in Ethnic Conflict*”, Annual World Bank Conference on Development Economics, Washington April 1998.

⁵ Lokar, Ale, “*Modernization and ethnic problems in Carinthia*”, 1994.

⁶ Robert H. Bates, “*Ethnicity, Capital Formation and Conflict*”, CID Working Paper, no. 27, October 1999.

⁷ John. M. Richardson Jr and Shinjinee Sen, “*Ethnic Conflict and Economic Development*”, A Policy Oriented Analysis, School of International Service, American University, 24 March 1996.

⁸ Anamaria Dutceac, “*Globalization and Ethnic Conflict: Beyond and Liberal – Nationalist Distinction*”, The Global Review of Ethnopolitics, Vol.3, no.2, 20-39 January 2004, University of Maryland.

⁹ Karl W. Deutsch, “Chapter 12: Social Mobilization and Political Participation” in Political Development and Social Change, Jason L. Finkle and Richard W. Gable, ed. New York: John Wiley & Sons, Inc., 1971, in Field Seminar Participants Fall 1998 and Spring 2000. Compiled by Chris Adolph, February, 2000.

persaingan antara etnik di sesuatu tempat.¹ Robert H. Bates dalam kajiannya yang lain telah mendedahkan bahawa proses pemodenan seperti proses pembandaran, perkembangan sistem pendidikan dan pertambahan pendapatan per kapita menyumbang kepada pembangunan sosio ekonomi sesebuah negara. Penghijrahan beramai-ramai ke bandar-bandar besar, taraf pendidikan yang tinggi serta pertambahan pendapatan akan memberi kesan kepada pertambahan penglibatan etnik dalam politik. Mereka akan terlibat dalam memberikan pandangan dan pendapat, mengambil bahagian dalam pilihan raya, melibatkan diri dalam sesuatu organisasi, demonstrasi, tunjuk perasaan dan perhimpunan. Modenisasi juga akan mewujudkan peningkatan semangat nasionalisme dan “*class action*”. Sebagaimana yang diutarakan dalam teori modenisasi, urbanisasi yang berlaku juga boleh menyebabkan peningkatan “*class consciousness*” dan mewujudkan aktivis politik. Modenisasi selain dari menimbulkan konflik ia juga boleh merapatkan hubungan antara etnik.²

Huseyin ISIKSAL, dalam kajiannya telah mengaitkan modenisasi dengan pertumbuhan semangat nasionalisme. Faktor-faktor seperti perindustrian, literasi, sistem pendidikan, perkembangan sistem komunikasi massa, sekularisme dan kapitalisme memberi kesan kepada perjuangan bangsa dan semangat nasionalisme.³ Perbincangan mengenai teori modenisasi dan semangat nasionalisme dibincangkan dengan panjang lebar oleh Delanty, Gerard dalam buku yang bertajuk “*Nationalism and Social Theory: Modernity and the Recalcitrance of the Nation*”.⁴

Perbincangan mengenai cabaran-cabaran modenisasi ke atas hubungan etnik juga telah dibincangkan oleh beberapa orang penulis di dalam buku *Ethnic Challengers to the Modern Nation State*.⁵ Dalam perbincangan ini, beberapa isu berkaitan dengan polisi kerajaan mengenai bahasa, budaya, sistem politik, nasionalisme dan sebagainya banyak dibincangkan.

Kajian kesan globalisasi ke atas hubungan etnik di Malaysia pula telah ditulis oleh Zawawi Ibrahim dalam artikel yang bertajuk “*Globalization and National Identity: Managing Ethnicity and Cultural Pluralism in Malaysia*”. Dalam artikel ini beliau melihat bahawa globalisasi sebenarnya tidak memberi kesan kepada hubungan etnik, tetapi disebabkan oleh dasar kolonial British yang menjajah Tanah Melayu sebelum ini.⁶

Salah satu agenda pembangunan negara yang terpenting adalah pembangunan ekonomi. Shamsul Amri, Mohamad Fauzi dan Azmi Aziz dalam artikel yang bertajuk “*Pembangunan Ekonomi Dalam Konteks Hubungan Etnik di Malaysia*”⁷ telah membentangkan dua aspek utama modenisasi di Malaysia iaitu komponen ekonomi dan komponen politik. Dalam hal ini, beliau telah mengaitkan projek modenisasi tersebut dengan hubungan kaum dalam pelbagai dasar dan polisi kerajaan antaranya adalah DEB, Dasar Penswastaaan dan sektor perindustrian. Walau bagaimanapun artikel ini tidak menjelaskan secara mendalam mengenai bagaimanakah bentuk hubungan kaum yang terbentuk hasil dari modenisasi tersebut.

Kajian mengenai hubungan etnik di Malaysia juga dapat dilihat pada tulisan Dr. Mohamad Zaini Abu Bakar yang bertajuk “*Hubungan Etnik Dalam Konteks Masyarakat Malaysia*”⁸. Menurut beliau, hubungan etnik di

¹ Robert H. Bates, “*Ethnic Competition and Modernization in Contemporary Africa*”, Comparative Political Studies, January 1974, Vol.6, No.4. Kenyataan ini disokong oleh Demet Yalcin Mousseau, dalam kajiannya yang bertajuk “*Democratizing with Ethnic Divisions: A Source of Conflict?*”. Kajian lain mengenai hubungan modenisasi dan etnik adalah Anthony Mughan, “*Modernization, Ethnicity and National Integration: The Changing Pattern of Ethnic Conflict in Belgium*”, PhD Dissertation 1972-1975, Political Science, University of IOWA, USA dan “*Modernization, Deprivation and the Distribution of Power Resources*”, *Toward a Theory of Ethnic Conflict*, New Community, 5 (1977).

² Robert H. Bates, “*Ethnicity, Capital Formation and Conflict*”, CID Working Paper No.27, Center for International Development, Harvard University, October 1999.

³ Huseyin ISIKSAL, “*Two Perspectives on the Relationship of Ethnicity to Nasionalisme Comparing Gellmer and Smith*”, Turkish Journal of International Relations, Vol.1, No.1, 2002.

⁴ Delanty, Gerard, “*Nationalism and Social Theory: Modernity and the Recalcitrance of the Nation*”, Sage Publications Limited, 2002.

⁵ Donini Atonio, Wermester, Kain (et.al), *Ethnic Challengers to the Modern Nation State*, Kumarian Press, Incorporated 2003.

⁶ Zawawi Ibrahim, “*Globalization and National Identity: Managing Ethnicity and Cultural Pluralism in Malaysia*”.

⁷ Shamsul Amri Baharuddin, Mohamad Fauzi Sukimi, Azmi Aziz, “*Pembangunan Ekonomi Dalam Konteks Hubungan Etnik di Malaysia*”, Bengkel TOT Kursus TITAS & Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan, UITM, Shah Alam, 13-15 Disember 2005

⁸ Dr. Mohamad Zaini Abu Bakar, “*Hubungan Etnik Dalam Konteks Masyarakat Malaysia*”, Prosiding Seminar Pemantapan Kurikulum TITAS dan Hubungan Etnik, 2006.

Malaysia dapat dilihat dari perspektif demografi, pendidikan, ekonomi dan politik. Perbincangan berdasarkan kepada sejarah bermulanya hubungan etnik berdasarkan pengenalan dasar-dasar yang dijalankan oleh pihak pemerintah dari sejak merdeka. Pendapat lain pula menyatakan transformasi ekonomi akan memberi kesan langsung kepada pola pekerjaan dan ini secara tidak langsung juga akan mengubah komposisi etnik secara besar-besaran dalam pola pekerjaan dan struktur kelas masyarakat Malaysia.¹

Proses pemodenan seperti proses pembandaran, perkembangan sistem pendidikan dan pertambahan pendapatan per kapita menyumbang kepada pembangunan sosio ekonomi sesebuah negara. Penghijrahan beramai-ramai ke bandar-bandar besar, taraf pendidikan yang tinggi serta pertambahan pendapatan akan memberi kesan kepada pertambahan penglibatan dalam politik. Mereka akan terlibat dalam memberikan pandangan dan pendapat, mengambil bahagian dalam pilihan raya, melibatkan diri dalam sesuatu organisasi, demonstrasi, tunjuk perasaan dan perhimpunan. Modenisasi juga akan mewujudkan peningkatan semangat nasionalisme dan “*class action*”. Sebagaimana yang diutarakan dalam teori modenisasi, urbanisasi yang berlaku juga boleh menyebabkan peningkatan “*class consciousness*” dan mewujudkan aktivis politik. Modenisasi selain dari menimbulkan konflik ia juga boleh merapatkan hubungan antara etnik.² Perbincangan mengenai cabaran-cabaran modenisasi ke atas hubungan etnik juga telah dibincangkan oleh beberapa orang penulis di dalam buku *Ethnic Challengers to the Modern Nation State*.³ Dalam perbincangan ini, beberapa isu berkaitan dengan polisi kerajaan mengenai bahasa, budaya, sistem politik, nasionalisme dan sebagainya banyak dibincangkan.

KESAN MODENISASI KE ATAS HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA

a. Modenisasi Politik

Apakah yang dimaksudkan dengan modenisasi politik? Dari kacamata negara ini modenisasi politik dapat dilihat kepada pengamalan sistem demokrasi berparlimen, pilihanraya dan juga penglibatan tiga kaum terbesar dalam politik Malaysia. Ini merupakan satu pembaharuan dan pemodenan politik era baru jika dibandingkan dengan zaman tradisi. Dari segi politik, sebelum kemerdekaan setiap kaum di Tanah Melayu mempunyai sistem politik mereka sendiri. Setiap kaum berpaksikan kepentingan kaum masing-masing. Tetapi dengan tertubuhnya Parti Perikatan, ia telah membuktikan bahawa 3 kaum terbesar iaitu Melayu, Cina dan India telah menerima idea politik moden di mana setiap parti berlainan bangsa boleh bersatu dalam sebuah parti politik. Begitu juga dengan pengenalan sistem demokrasi dan pilihanraya telah berjaya melibatkan semua kaum dalam politik Malaysia secara aman walaupun ada sedikit kekacauan.

Rabushka dan Shepsle yang menganalisis proses politik dalam masyarakat majmuk di Tanah Melayu telah membahagikannya kepada lima peringkat.⁴ Peringkat pertama merujuk kepada tahap sebelum kemerdekaan. Pada peringkat ini telah wujud kerjasama kalangan elit mewakili berbagai-bagai kumpulan etnik bagi menuntut kemerdekaan yang terdiri dari kalangan kelas menengah. Tahap kedua pula ialah peringkat pasca merdeka, di mana kerjasama pelbagai etnik dijelmakan dalam pakatan Parti Perikatan. Para pemimpin setiap parti dikatakan cuba mengekalkan kedudukan kuasa politik masing-masing dengan tidak menonjolkan imej perkauman dan menutupinya dengan isu-isu nasional seperti pembangunan ekonomi dan integasi nasional.

Peringkat ketiga, permintaan dan desakan etnik boleh mencetuskan konflik. Perkara ini dikatakan akan berlaku kerana nilai-nilai yang ada dalam masyarakat adalah terhad berbanding dengan tuntutan oleh masyarakat. Oleh itu terdapat persaingan antara kumpulan etnik. Pada peringkat ini juga wujudnya golongan “pengusaha politik” yang memanipulasi sentimen dan isu perkauman yang mengakibatkan ketegangan antara etnik.

¹ “*Transformasi Sosiobudaya dan Politik Serta Peningkatan Daya Saing Negara-bangsa*”, dalam Abdul Rahman Embong, Negara-bangsa: Proses dan Perbahasan, Edisi Kedua, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.

² Robert H. Bates, “*Ethnicity, Capital Formation and Conflict*”, CID Working Paper No.27, Center for International Development, Harvard University, October 1999.

³ Donini Antonio, Wermester, Kain (et.al), *Ethnic Challengers to the Modern Nation State*, Kumarian Press, Incorporated 2003.

⁴ Rabushka dan Shepsle, dalam Mohamad Zaini Abu Bakar, “*Hubungan Etnik Dalam Konteks Masyarakat Malaysia*”.

Pada peringkat keempat pula menurut Rabushka dan Shepsle, pakatan politik pelbagai etnik semakin longgar dari segi kerjasama dan perpaduannya disebabkan oleh konflik antara kumpulan etnik.

Peringkat kelima, terdapat peningkatan permusuhan antara kumpulan etnik yang merosakkan tatacara demokrasi yang diikuti dengan keganasan fizikal dan penubuhan kerajaan autoritarian. Keadaan ini dapat dilihat dengan tercetusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Secara kasarnya, pemodenan politik pada satu keadaan menyatupadukan tiga kaum terbesar dalam satu parti politik, tetapi pada masa yang sama ia telah memisahkan kaum atau bangsa itu sendiri dengan penubuhan parti-parti politik pembangkang. Dasar perjuangan yang berbeza menyebabkan wujudnya krisis antara parti-parti. Dalam hal ini, setiap kaum iaitu Melayu, Cina dan India ada yang menjadi penyokong Kerajaan dan ada yang menjadi pembangkang. Jadi ini telah mewujudkan krisis bukan antara tiga kaum yang berbeza tetapi memisahkan antara Melayu dengan Melayu, Cina dengan Cina dan India dengan India.

b. Modenisasi Sosial

Apakah maksud modenisasi sosial? Dari perspektif negara Malaysia, modenisasi sosial dapat dilihat kepada pembaharuan dari aspek seperti dalam bidang pendidikan, tempat tinggal, hubungan dan sebagainya. Dari segi sosial, sejak zaman penjajahan, setiap kaum telah dipisahkan mengikut tempat tinggal di mana kebanyakan orang Melayu tinggal di kampung dan kawasan pinggir bandar, orang Cina di kawasan bandar, dan orang India di kawasan ladang. Keadaan ini berlarutan sehingga kini di mana kebanyakan masyarakat Cina masih lagi tinggal di bandar-bandar besar, serta sedikit masyarakat Melayu dan India. Kebanyakan masyarakat Melayu masih lagi tinggal di kawasan bandar kecil dan luar bandar.

Pemisahan juga dapat disaksikan dengan penubuhan sekolah mengikut kaum dan menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Dasar pendidikan negara sebelum merdeka mewujudkan 5 jenis sistem persekolahan yang terasing di antara satu sama lain, iaitu sekolah Inggeris, Melayu, Cina, India dan agama. Dalam hal ini, orang Melayu menghantar anak-anak mereka ke sekolah Melayu, orang Cina menghantar anak-anak mereka ke sekolah Cina dan begitu juga bagi orang India. Amat malang lagi semua buku teks dan guru-guru juga di bawa dari negara asal mereka. Dengan kata lain segala kurikulum sekolah berkenaan adalah berkiblatkan negara asal masing-masing. Sejak tahun 1946, British sedar satu sistem pendidikan yang bercorak kebangsaan harus diwujudkan bagi menyatukan masyarakat yang berbilang kaum. Selepas merdeka, usaha mewujudkan satu sistem pendidikan kebangsaan diteruskan. Dasar pendidikan kini lebih bertujuan membentuk perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Satu dasar pendidikan yang lebih baik adalah penting bagi membentuk negara yang stabil, bersatu-padu dan progresif. Ini dimulakan dengan pengenalan Penyata Barnes (1950), Laporan Fenn-Wu (1951), Ordinan Pelajaran (1952), Penyata Razak (1956), Laporan Rahman Talib (1960) dan Akta Pelajaran (1961) semua ini adalah untuk memperkenalkan satu pendidikan yang akan menyatupadukan kaum di negara ini. Sehingga kini telah terdapat perkembangan yang sihat di mana sistem pendidikan di negara ini telah berjaya menyerap elemen perpaduan kaum walaupun masih wujud sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

c. Modenisasi Ekonomi

Apakah pula yang dimaksudkan dengan modenisasi ekonomi? Modenisasi ekonomi di Malaysia bolehlah dikatakan telah bermula apabila adanya hubungan perdagangan, pertukaran matawang, modal dan buruh secara intensif. Apa yang lebih penting adalah penglibatan masyarakat tempatan dalam ekonomi perdagangan dan perindustrian. Ekonomi sebelum ini adalah lebih kepada ekonomi saradiri dan pertukaran barangan. Sebelum kemerdekaan jelas memperlihatkan hubungan etnik dari segi ekonomi pula dengan jelas menunjukkan pemisahan kaum dengan orang Melayu masih kekal dengan ekonomi tradisional secara kecil-kecilan dalam sektor pertanian, orang Cina menceburi bidang perniagaan dan perdagangan dan orang India pekerja di sektor ladang. Dasar British melalui konsep 'pecah dan perintah' ini sangat sukar hendak diubah walaupun setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Justeru itu diperkenalkan DEB sebagai usaha untuk menghapuskan pengenalan ekonomi mengikut kaum. Walaupun sudah ada perubahan komposisi kaum dari segi pemilikan ekonomi, tetapi perubahan secara total

memerlukan masa yang lebih panjang lagi. Tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan ekonomi yang dikecapi selepas kemerdekaan sehingga kini telah menyebabkan sesetengah kaum merasa iri hati dengan kekayaan dan kesejahteraan kaum yang lain. Ada yang merasakan mereka masih lagi terpinggir. Desakan ekonomi telah menolak mereka untuk menuntut sesuatu di luar batasan. Keadaan seperti ini menyebabkan pihak Kerajaan terpaksa menilai semula dasar-dasar ekonomi yang diamalkan sebelum ini.

PENUTUP

Modenisasi sebenarnya telah pun bermula sejak zaman penjajahan British di Tanah Melayu. Malahan pembentukan masyarakat majmuk juga berlaku semasa penjajahan British. Dalam hal ini, dua perkara yang perlu diberi perhatian adalah modenisasi dan hubungan etnik yang datang seiring dan saling berkaitan di antara satu sama lain. Modenisasi sebenarnya memang memberi kesan ke atas hubungan etnik sama ada dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Modenisasi memberi kesan kepada hubungan etnik dapat dilihat dengan adanya kesedaran etnik dalam bidang politik, persaingan etnik dalam ekonomi dan politik, serta konflik antara etnik. Modenisasi memberi kesan positif dan negatif dalam hubungan antara etnik di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong, (2000) *Negara-Bangsa: Proses dan Perbahasan*, Penerbit UKM, Bangi.
- Cheah Boon Kheng, (2002), *Malaysia: The Making of a Nation*, Institut of Southeast Asian Studies, Singapore.
- Compton, Robert W.Jr, (2000), *East Asian Democratization: Impact of Globalization, Culture & Economy*, Greenwood Publishing Group, Incorporated.
- Donald L. Horowitz, (1998), "Structure and Strategy in Ethnic Conflict", Annual World Bank Conference on Development Economics, Washington, 20-21 April 1998.
- Demet Yalcin Mousseau, (2001), "Democratizing with Ethnic Divisions: A Source of Conflict?" Journal of Peace Research, Vol. 38, No. 5, 547-567.
- Francesco Caselli and Wilbur John Coleman II, (2005), "On The Theory of Ethnic Conflict".
- James P. Ongkili, *Nation Building in Malaysia 1946-1974*, (1982), Oxford University Press.
- Jochen Hippler, "Ethnicity, State, and Nation-Building - Experiences, Policies and Conceptualization".
- Lokar, Ale, (1994), "Modernization and ethnic problems in Carinthia".
- Martin Bulmer and John Solomos, (1999), *Ethnic and Racial Studies Today*, Routledge.
- Peter Kreuzer, (2006), "Democracy, Diversity and Conflict: Managing Ethnic Divisions in the Philippines and Malaysia", Cornell University.
- Profesor Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin, (2006), Kertas Kerja Ucaptama Seminar Pengajian Umum, 13-14 Jun 2006.
- Profesor Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Mohamad Fauzi Sukimi dan Azmi Aziz, (2005), "Pembangunan Ekonomi Dalam Konteks Hubungan Etnik di Malaysia", Bengkel TOT Kursus TITAS & Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan, UITM, Shah Alam, 13-15 Disember 2005.

- Profesor Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin, (2005), "Kestabilan Dimantapkan, Pertumbuhan Disuburkan: Hubungan Etnik Malaysia Sebagai Landasan Untuk Dulu, Sekarang dan Selama-lamanya", Bengkel TOT Kursus TITAS & Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan, UITM, Shah Alam, 13-15 Disember 2005.
- Peter Kreuzer, (2006), "Democracy, Diversity and Conflict: Managing Ethnic Divisions in the Philippines and Malaysia", Cornell University.
- Robert H. Bates, (1974), "*Ethnic Competition and Modernization in Contemporary Africa*", Comparative Political Studies, January 1974, Vol.6, No.4.
- Robert H. Bates, (1999), "*Ethnicity, Capital Formation and Conflict*", CID Working Paper, no. 27, October 1999.
- Steve Fenton, (2003), "*Malaysia and Capitalist Modernization: Plural and Multicultural Models*", dalam *Pluralism and Multiculturalism in Colonial and Post Colonial Societies, International Journal on Multicultural Societies (IJMS)*, Vol.5, no.2.
- Victor Da Rosa, Gerald L. Gold and Paul Lamy, (2000), "*Ethnicity in a Globalizing World: Borders, Boundaries, and Virtual Communities*" 40th Annual Meetings of the Northeastern Anthropological Association, York College (CUNY), New York, NY, 13-16 April 2000.
- Zuriani Hj Jamil @ Osman, (2006), "*Cabaran Hubungan Etnik Dalam Pembangunan Masyarakat Majmuk Kini di Malaysia: Satu Pengamatan Awal*", Seminar Kebangsaan Pengajian Umum, UTM, 13-14 Jun 2006.

Hasnah binti Hussiin
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak, Gambang, 26300 Kuantan, Pahang, Malaysia
Tel: 095493111
Emel: hasnah@ump.edu.my